

Soalan No : 14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 26.11.2014

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan tindakan Kementerian terhadap kolej perubatan swasta Allianze University College of Medical Sciences (AUCMS) di Pulau Pinang yang didakwa menghadapi masalah kewangan sehingga tidak dapat membayar gaji staf dan mahasiswa terpaksa belajar dalam serba kekurangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin dan memandang serius permasalahan yang dihadapi oleh AUCMS yang telah menjaskankan kebajikan dan pengajian pelajar. Susulan kepada beberapa siri mesyuarat yang diadakan dengan semua pihak berkepentingan termasuk badan profesional, penaja serta pelajar dan ibu bapa, Kementerian telah memutuskan untuk menempatkan kesemua pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) lain bagi memastikan penerusan pengajian mereka.

Bagi menyelesaikan isu penempatan pelajar AUCMS yang telah memilih IPTS tertentu yang melebihi kuota yang ditetapkan oleh Majlis

Perubatan Malaysia (MMC), Mesyuarat Jemaah Menteri pada 31 Oktober 2014 telah memutuskan untuk mempertimbangkan kelonggaran kuota oleh IPTS penerima. Kelonggaran kuota ini tertakluk kepada kesediaan IPTS penerima untuk memastikan kemudahan yang mencukupi disediakan dan nisbah tenaga pengajar dengan pelajar adalah pada 1:8.

Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Majlis Perubatan Malaysia (MMC) dan KPM selaku urus setia telah bersetuju mempertimbangkan permohonan IPTS penerima dengan mengenakan syarat-syarat berikut :

- (i) Melaksanakan pemetaan kurikulum secara terperinci; dan
- (ii) Menyatakan bilangan penambahan kuota pelajar yang boleh ditampung dengan mengambil kira nisbah tenaga pengajar dengan pelajar pada 1:8 serta kemudahan yang disediakan.

Sebahagian besar pelajar telah memulakan pengajian mereka di IPTS penerima manakala sebahagian lagi masih belum memuktamadkan pemilihan mereka.